



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

---

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**PANDUAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT YANG TELAH  
DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN DAN DILANTIK KE JAWATAN LAIN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kaedah penentuan gaji permulaan pegawai sedang berkhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan lain.

**LATAR BELAKANG**

2. Penentuan gaji permulaan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan kemudiannya dilantik ke skim perkhidmatan lain adalah berdasarkan Peraturan 25(7) dan (8), Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] yang berkuat kuasa mulai 1.1.2012.

3. Penentuan gaji permulaan bagi pegawai sedang berkhidmat dan dilantik ke jawatan lain seharusnya ditetapkan dalam surat tawaran pelantikan jawatan baharu. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian pegawai yang tidak dapat ditentukan gaji permulaan berdasarkan peraturan yang berkenaan kerana maklumat gaji yang lengkap dan kemas kini serta keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia belum diperolehi semasa tawaran pelantikan dibuat.

4. Selaras dengan usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bersetuju mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan membuat penentuan gaji permulaan bagi pegawai sedang berkhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan lain berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

## **DEFINISI**

5. Bagi maksud pekeling ini:

**“Ketua Jabatan”** bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan, dan sesuatu jabatan itu termasuklah:

- a) sesuatu Kementerian, Jabatan Persekutuan, institusi, agensi atau pejabat di peringkat negeri atau daerah dalam Persekutuan; dan
- b) sesuatu Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Walaupun apa pun yang dinyatakan dalam definisi Ketua Jabatan di perenggan (a) di atas, Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah boleh menentukan sama ada perwakilan kuasa ini sesuai dilaksanakan oleh institusi, agensi atau pejabat di peringkat daerah dalam Persekutuan yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian atau Jabatan berkenaan.

**“Pegawai sedang berkhidmat yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan lain”** bermaksud pegawai yang dilantik secara tetap oleh Pihak Berkuasa Melantik dalam sektor awam yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan kemudiannya dilantik secara tetap ke jawatan baharu oleh

SPA. Dalam konteks ini, sektor awam merujuk kepada Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun kecuali Badan Berkanun yang diasingkan saraannya.

“**Gaji akhir**” bermaksud gaji pokok yang diterima oleh pegawai di gred jawatan hakiki sehari sebelum dilantik ke jawatan yang baharu;

“**Gaji permulaan jawatan baharu**” bermaksud gaji permulaan yang ditentukan mengikut skim perkhidmatan di jawatan baharu termasuk Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP). KMP bermaksud pelbagai tahap kelayakan yang diperuntukkan sebagai syarat kelayakan masuk bagi skim perkhidmatan tertentu.

## **KAEDAH PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Penentuan gaji permulaan bagi pegawai mengikut P.U.(A) 1/2012 adalah seperti berikut:

- (a) Peraturan 25(7) - pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu adalah pada gaji yang lebih tinggi yang perbezaannya terhad kepada satu pergerakan gaji biasa di gred atau jawatan terdahulu; dan
- (b) Peraturan 25(8) - pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain pada tarikh yang sama atau lebih awal dari tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatan terdahulunya, pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada, hendaklah diberi terlebih dahulu, terhad kepada gaji maksimum di gred tersebut sebelum menentukan gaji permulaan pelantikan itu.

## **TINDAKAN JABATAN**

7. Bagi melaksanakan urusan penentuan gaji permulaan, Pengurus Sumber Manusia hendaklah mengambil tindakan berikut:

7.1 **Penentuan gaji permulaan berdasarkan Peraturan 25(7), P.U.(A) 1/2012 bagi pegawai yang dilantik ke jawatan baharu selepas Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) jawatan terdahulu:**

- (a) memastikan pegawai yang layak dipertimbangkan merupakan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan terdahulu;
- (b) menyemak sama ada pegawai telah mendapat satu Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada TPG di jawatan terdahulu;
- (c) mendapatkan maklumat mengenai kadar KGT bagi jawatan terdahulu dalam Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM) yang berkuat kuasa;
- (d) mendapatkan maklumat gaji permulaan jawatan baharu pegawai mengikut skim perkhidmatan;
- (e) memastikan maklumat gaji akhir yang telah diterima oleh pegawai adalah teratur;
- (f) membuat penentuan gaji permulaan pegawai di jawatan baharu dengan kaedah menambah gaji akhir dengan satu KGT di jawatan terdahulu:

Formula Pengiraan

$$\text{Gaji Akhir} + 1 \text{ KGT Gred Terdahulu} = \text{Gaji Permulaan Jawatan Baharu}$$

- (g) menetapkan gaji permulaan pada gaji permulaan jawatan baharu sekiranya pengiraan gaji permulaan kurang daripada gaji permulaan jawatan baharu;
- (h) memastikan penentuan gaji permulaan adalah terhad kepada gaji maksimum di jawatan baharu;
- (i) memastikan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang diterima adalah lengkap dan dikemas kini untuk dijadikan rujukan;

- (j) menentukan tarikh kuat kuasa pelarasan gaji adalah mulai tarikh pegawai melaporkan diri bertugas di jawatan baharu;
- (k) menyediakan kertas pertimbangan untuk kelulusan Ketua Jabatan seperti format di **Lampiran A**; dan
- (l) contoh kaedah pengiraan penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran A1, Lampiran A2, Lampiran A3 dan Lampiran A4**.

**7.2 Penentuan gaji permulaan berdasarkan Peraturan 25(8) P.U.(A) 1/2012 bagi pegawai yang dilantik ke jawatan baharu pada tarikh yang sama atau sebelum TPG jawatan terdahulu:**

- (a) memastikan pegawai yang layak dipertimbangkan merupakan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan terdahulu;
- (b) menyemak sama ada Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) di tempat pegawai bertugas terdahulu telah meluluskan pergerakan gaji pegawai pada tahun lantikan jawatan baharu;
- (c) mendapatkan maklumat mengenai kadar KGT bagi jawatan terdahulu dalam JGMM yang berkuat kuasa;
- (d) mendapatkan maklumat gaji permulaan jawatan baharu pegawai mengikut skim perkhidmatan;
- (e) memastikan maklumat gaji akhir yang telah diterima oleh pegawai adalah teratur;
- (f) membuat penentuan gaji permulaan pegawai di jawatan baharu dengan kaedah menambah gaji akhir dengan satu kadar KGT di jawatan terdahulu berdasarkan kelulusan PPSM pada tahun lantikan, terhad kepada gaji maksimum jawatan terdahulu dan ditambah kadar satu KGT lagi di jawatan terdahulu;

## Formula Pengiraan

$$\text{Gaji Akhir} + \text{1 KGT Diawalkan tertakluk kelulusan PPSM dan terhad kepada gaji maksimum jawatan terdahulu} + \text{1 KGT Gred Terdahulu} = \text{Gaji Permulaan Jawatan Baharu}$$

- (g) menetapkan gaji permulaan yang kurang daripada gaji permulaan jawatan baharu pada gaji permulaan jawatan baharu;
  - (h) memastikan penentuan gaji permulaan adalah terhad kepada JGMM di jawatan baharu;
  - (i) memastikan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang lengkap dan dikemas kini untuk dijadikan rujukan;
  - (j) menentukan tarikh kuat kuasa pelarasan gaji adalah mulai tarikh pegawai melaporkan diri bertugas di jawatan baharu;
  - (k) menyediakan kertas pertimbangan untuk kelulusan Ketua Jabatan seperti format di **Lampiran B**; dan
  - (l) contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran B1, Lampiran B2 dan Lampiran B3**.
8. Carta alir pelaksanaan penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran C**.
9. Senarai peraturan yang sedang berkuat kuasa bagi penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran D**.
10. Pengurus Sumber Manusia perlu menyemak sama ada pegawai yang dilantik selepas TPG telah menerima KGT di jawatan terdahulu. Sekiranya pegawai belum mendapat KGT, pelarasan gaji perlu dibuat sewajarnya.
11. Penentuan gaji permulaan selain daripada yang diperuntukkan di bawah peraturan 25(7) dan (8) P.U.(A) 1/2012 hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan SPA.

## **TINDAKAN PEGAWAI**

12. Bagi mempercepatkan proses penentuan gaji permulaan, pegawai hendaklah mengambil tindakan berikut:

- (a) mendapatkan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang lengkap dan kemas kini daripada jabatan terdahulu untuk dikemukakan kepada ketua jabatan yang baharu;
- (b) mengemukakan salinan slip gaji terkini; dan
- (c) mengemukakan salinan keputusan PPSM (bagi pegawai yang dilantik ke jawatan baharu sebelum TPG).

## **PERTANYAAN DAN NAZIRAN**

13. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai penentuan gaji permulaan boleh dikemukakan kepada Unit Gaji, Bahagian Perkhidmatan, SPA di talian 03-8091 9105/ 9152/ 9159 atau melalui Sistem ePertanyaan SPA.

14. Urusan penentuan gaji permulaan berdasarkan Pekeliling ini akan dijadikan salah satu skop naziran SPA yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

## TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada tarikh dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK ZOHARI BIN SAID)  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia /

/ Oktober 2020



**KERTAS PERTIMBANGAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN  
UNTUK KELULUSAN KETUA JABATAN**

**Penentuan Gaji Permulaan Yang Diperakukan Mengikut Peraturan 25(7)  
P.U.(A) 1/2012 Bagi Pegawai Yang Dilantik Ke Jawatan Baharu Selepas Tarikh  
Pergerakan Gaji Jawatan Terdahulu**

<b>Bil.</b>	<b>(a) Nama (b) No. K.P. (c) Jawatan Baharu (d) Tempat Bertugas</b>	<b>Tarikh Lantikan Jawatan Baharu</b>	<b>(a) Jawatan Terdahulu (b) Tarikh Lantikan/ Kenaikan Pangkat (c) Tarikh Disahkan (d) TPG Terdahulu (e) KGT Jawatan Terdahulu (f) Gaji Akhir Jawatan Terdahulu</b>	<b>(a) Pengiraan Penentuan Gaji Jawatan Baharu (b) Gaji Yang Disyorkan</b>
1.	(a) Nurul Azreen (b) xxxxxx-xx-xxxx (c) Jururawat Gred U29 (d) Hospital xx	15.4.2020	(a) Jururawat Masyarakat Gred U19 (b) 12.2.2016 (c) 12.2.2017 (d) 1 Januari (e) RM100.00 (f) RM2,216.73 (JGMM)	(a) RM2,216.73 + RM100.00 (1 KGT) = RM2,316.73 (b) <b>RM2,316.73</b>

Permohonan telah disemak dan didapati teratur untuk pertimbangan dan kelulusan.

Penentuan gaji permulaan **diluluskan/ tidak diluluskan.**

**Nama** : .....

**Nama** : .....

**Jawatan** : .....  
(Pengurus Sumber Manusia)

**Jawatan** : .....  
(Ketua Jabatan)

**Tarikh** : .....

**Tarikh** : .....

Lampiran A1

**PENENTUAN GAJI PERMULAAN DI BAWAH PERATURAN 25(7)  
P.U.(A) 1/2012 BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK KE JAWATAN BAHARU  
SELEPAS TARIKH PERGERAKAN GAJI JAWATAN TERDAHULU**

**(A) Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Yang Melebihi Gaji Permulaan Jawatan Baharu**

**Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu** : Jururawat Masyarakat Gred U19

**Tarikh Lantikan** : 12.2.2016

**Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan** : 12.2.2017

**Tarikh Pergerakan Gaji** : 1 Januari

**Kadar KGT Jawatan Terdahulu** : RM100.00 (Gred U19)

**Gaji Akhir** : RM2,226.73  
(RM1,360.00 – RM4,052.00)

**Jawatan dan Gred Lantikan Baharu** : Jururawat Gred U29  
(RM1,797.00 – RM5,753.00)

**Tarikh Lantikan Jawatan Baharu** : 15.4.2020

**Gaji Permulaan Jawatan Baharu** : RM1,797.00 (JGMM)

<b>Gaji Akhir</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan</b>	<b>Gaji Permulaan</b>
<b>(a)</b>		<b>(b)</b>		<b>(c)</b>	<b>(d)</b>
RM2,226.73	+	RM100.00 (U19)	=	RM2,326.73	RM2,326.73 Gaji Permulaan ditetapkan sebanyak RM2,326.73 kerana jumlah pengiraan di ruangan (c) berada dalam lingkungan JGMM bagi gred U29.

**(B) Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Yang Kurang Daripada Gaji Permulaan Jawatan Baharu**

**Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu** : Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19

**Tarikh Lantikan** : 15.3.2010

**Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan** : 15.3.2011

**Tarikh Pergerakan Gaji** : 1 Januari

**Kadar KGT Jawatan Terdahulu** : RM100.00 (Gred N19)

**Gaji Akhir** : RM1,648.43  
(RM1,352.00 – RM4,003.00)

**Jawatan dan Gred Lantikan Baharu** : Penolong Jurutera JA29  
(RM1,860.00– RM5,701.00)

**Tarikh Lantikan Jawatan Baharu** : 15.4.2020

**Gaji Permulaan Jawatan Baharu** : RM1,860.00 (JGMM)

<b>Gaji Akhir</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan</b>	<b>Gaji Permulaan</b>
<b>(a)</b>		<b>(b)</b>		<b>(c)</b>	<b>(d)</b>
RM1,648.43	+	RM100.00 (N19)	=	RM1,748.43	RM1,860.00 Gaji permulaan ditetapkan sebanyak RM1,860.00 kerana jumlah pengiraan di ruangan (c) lebih rendah daripada gaji permulaan jawatan baharu.

(C) Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Yang Kurang Daripada Gaji Permulaan Jawatan Baharu Mengikut Kelayakan Masuk Pelbagai

<b>Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu</b>	:	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29
<b>Tarikh Lantikan</b>	:	15.3.2014
<b>Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan</b>	:	15.3.2015
<b>Tarikh Pergerakan Gaji</b>	:	1 Januari
<b>Kadar KGT Jawatan Terdahulu</b>	:	RM145.00 (Gred N29)
<b>Gaji Akhir</b> (RM1,493.00 – RM5,672.00)	:	RM2,531.95
<b>Jawatan dan Gred Lantikan Baharu</b> (RM2,422.00– RM9,631.00)	:	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41
<b>Tarikh Lantikan Jawatan Baharu</b>	:	15.4.2020
<b>Gaji Permulaan Jawatan Baharu Berdasarkan Kelayakan Masuk Pelbagai :</b>	:	RM2,422.00 (JGMM)
(i) ijazah sarjana muda kepujian (RM2,422.00); atau		
(ii) ijazah sarjana (RM2,733.14); atau		
(iii) ijazah doktor falsafah (RM3,044.48)		
<b>Kelayakan Akademik</b>	:	Ijazah Sarjana

<b>Gaji Akhir</b> <b>(a)</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b> <b>(b)</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan</b> <b>(c)</b>	<b>Gaji Permulaan</b> <b>(d)</b>
RM2,531.95	+	RM145.00 (N29)	=	RM2,676.95	RM2,733.14 Gaji permulaan ditetapkan sebanyak RM2,733.14 bagi pemegang ijazah sarjana dalam skim perkhidmatan PTD Gred M41.

(D) Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Bagi Pegawai Daripada Pihak Berkuasa Melantik Lain

**Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu** : Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19

**Pihak Berkuasa Melantik Terdahulu** : Majlis Perbandaran Segamat

**Tarikh Lantikan** : 15.3.2010

**Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan** : 5.10.2011

**Tarikh Pergerakan Gaji** : 1 Januari

**Kadar KGT Jawatan Terdahulu** : RM100.00 (Gred N19)

**Gaji Akhir** : RM2,004.83  
(RM1,352.00 – RM4,003.00)

**Jawatan dan Gred Lantikan Baharu** : Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19  
(RM1,352.00 – RM4,003.00)

**Tarikh Lantikan Jawatan Baharu** : 30.3.2020

**Gaji Permulaan Jawatan Baharu** : RM2,104.83

<b>Gaji Akhir</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan</b>	<b>Gaji Permulaan</b>
<b>(a)</b>		<b>(b)</b>		<b>(c)</b>	<b>(d)</b>
RM2,004.83	+	RM100.00 (N19)	=	RM2,104.83	RM2,104.83 Gaji Permulaan ditetapkan sebanyak RM2,104.83 kerana jumlah pengiraan di ruangan (c) berada dalam lingkungan JGMM bagi Gred N19.

**KERTAS PERTIMBANGAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN  
UNTUK KELULUSAN KETUA JABATAN**

**Penentuan Gaji Permulaan Yang Diperakukan Mengikut Peraturan 25(8)  
P.U.(A) 1/2012 Bagi Pegawai Yang Dilantik Ke Jawatan Baharu Sebelum atau Sama  
Tarikh Pergerakan Gaji Jawatan Terdahulu**

Bil.	(a) Nama (b) No. K.P. (c) Jawatan Baharu (d) Tempat Bertugas	Tarikh Lantikan Jawatan Baharu	(a) Jawatan Terdahulu (b) Tarikh Lantikan/ Kenaikan Pangkat (c) Tarikh Disahkan (d) TPG Terdahulu (e) KGT Jawatan Terdahulu (f) Gaji Akhir Jawatan Terdahulu	(a) Pengiraan Penentuan Gaji Jawatan Baharu  (b) Gaji Yang Disyorkan
1.	(a) Siti Nor'Aini (b) xxxxxx-xx-xxxx (c) Penolong Penguasa Penjara Gred KA29 (d) Jabatan Penjara Malaysia	10.2.2020	(a) Pegawai Penjara Gred KA19 (b) 2.4.2012 (c) 2.4.2013 (d) 1 April (e) RM100.00 (f) RM1,805.57 (JGMM)	(a) RM1,805.57 + RM100.00 + RM100.00 = RM2,005.57 (2 KGT)  (b) <b>RM2,005.57</b> <b>(JGMM)</b>

Permohonan telah disemak dan didapati teratur untuk pertimbangan dan kelulusan.

Penentuan gaji permulaan **diluluskan/ tidak diluluskan.**

**Nama** : .....

**Nama** : .....

**Jawatan** : .....  
(Pengurus Sumber Manusia)

**Jawatan** : .....  
(Ketua Jabatan)

**Tarikh** : .....

**Tarikh** : .....

**PENENTUAN GAJI PERMULAAN DI BAWAH PERATURAN 25(8)  
P.U.(A) 1/2012 BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK KE JAWATAN BAHARU  
SEBELUM ATAU SAMA TARIKH PERGERAKAN GAJI JAWATAN  
TERDAHULU**

**(A) Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Yang Melebihi Gaji Permulaan Jawatan Baharu**

<b>Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu</b>	: Pegawai Penjara Gred KA19
<b>Tarikh Lantikan</b>	: 2.4.2012
<b>Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan</b>	: 2.4.2013
<b>Tarikh Pergerakan Gaji</b>	: 1 April
<b>Kadar KGT Jawatan Terdahulu</b>	: RM100.00 (Gred KA19)
<b>Gaji Akhir</b> (RM1,360.00 – RM3,824.00)	: RM1,805.57
<b>Jawatan dan Gred Lantikan Baharu</b> (RM1,505.00 – RM5,696.00)	: Penolong Penguasa Penjara Gred KA29
<b>Tarikh Lantikan Jawatan Baharu</b>	: 10.2.2020
<b>Gaji Permulaan Jawatan Baharu</b>	: RM1,505.00 (JGMM)

<b>Gaji Akhir</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Tahun Lantikan Jawatan Terdahulu Tertakluk Kelulusan PPSM</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan</b>	<b>Gaji Permulaan</b>
<b>(a)</b>		<b>(b)</b>		<b>(c)</b>		<b>(d)</b>	<b>(e)</b>
RM1,805.57.00	+	RM100.00 (KA19)	+	RM100.00 (KA19)	=	RM2,005.57	RM2,005.57 Gaji Permulaan ditetapkan sebanyak RM2,005.57 kerana jumlah pengiraan di ruangan (d) berada dalam lingkungan JGMM bagi Gred KA29.

**(B) Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Yang Kurang Daripada Gaji Permulaan Jawatan Baharu**

**Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu** : Pembantu Tadbir Undang-Undang  
Gred L19

**Tarikh Lantikan** : 12.10.2016

**Tarikh Disahkan Dalam Perkhidmatan** : 12.10.2017

**Tarikh Pergerakan Gaji** : 1 Oktober

**Kadar KGT Jawatan Terdahulu** : RM100.00 (Gred L19)

**Gaji Akhir** : RM1,555.00  
(RM1,355.00 – RM4,007.00)

**Jawatan dan Gred Lantikan Baharu** : Penolong Pegawai Undang-Undang  
(RM1,773.00 – RM5,674.00)  
Gred L29

**Tarikh Lantikan Jawatan Baharu** : 15.4.2020

**Gaji Permulaan Jawatan Baharu** : RM1,773.00 (JGMM)

<b>Gaji Akhir</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu Tertakluk Kelulusan PPSM</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan Gaji Permulaan</b>	<b>Gaji Permulaan</b>
<b>(a)</b>		<b>(b)</b>		<b>(c)</b>		<b>(d)</b>	<b>(e)</b>
RM1,555.00	+	RM100.00 (L19)	+	RM100.00 (L19)	=	RM1,755.00	RM1,773.00 Gaji Permulaan ditetapkan sebanyak RM1,773.00 kerana jumlah pengiraan di ruangan (d) gaji permulaan lebih rendah daripada gaji permulaan jawatan baharu.




(C) **Kaedah Pengiraan Gaji Permulaan Yang Mempunyai Kadar KGT Melebihi Gaji Maksimum Jawatan Terdahulu**

<b>Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu</b>	:	Pembantu Tadbir Undang-Undang Gred L22
<b>Tarikh Lantikan</b>	:	12.10.2016
<b>Tarikh Pergerakan Gaji</b>	:	1 Oktober
<b>Amaun KGT Jawatan Terdahulu</b>	:	RM115.00 (Gred L22)
<b>Gaji Akhir</b> (RM2,255.00- RM4,696.00)	:	RM4,600.00
<b>Jawatan dan Gred Lantikan Baharu</b> (RM1,773.00 – RM5,674.00)	:	Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29
<b>Tarikh Lantikan Jawatan Baharu</b>	:	15.4.2020
<b>Gaji Permulaan Jawatan Baharu</b>	:	RM1,773.00 (JGMM)

<b>Gaji Akhir</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Terhadap di Jawatan Terdahulu</b>	<b>+</b>	<b>1 KGT Jawatan Terdahulu</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Pengiraan Gaji Permulaan</b>	<b>Gaji Permulaan</b>
<b>(a)</b>		<b>(b)</b>		<b>(c)</b>		<b>(d)</b>	<b>(e)</b>
RM4,600.00	+	RM96.00 (L22) Kadar kurang daripada kadar 1 KGT kerana telah mencapai gaji maksimum di jawatan terdahulu	+	RM115.00 (L22)	=	RM4,811.00	Gaji Permulaan ditetapkan sebanyak RM4,811.00 di jawatan baharu.

CARTA ALIR URUSAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN



\*Nota : Sekiranya pengiraan gaji permulaan kurang daripada gaji minimum di jawatan baharu, gaji permulaan akan ditetapkan pada gaji permulaan jawatan baharu.

**SENARAI PERATURAN YANG BERKUAT KUASA BAGI PENENTUAN GAJI  
PERMULAAN**

Bil.	Peraturan	Rujukan
1.	Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]	Punca kuasa penetapan gaji permulaan bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik ke jawatan lain.
2.	Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Pindaan 2017 [P.U.(A) 163]	Punca kuasa penentuan gaji kenaikan pangkat bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik ke jawatan lain.
3.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009 – Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji	Menjelaskan kelayakan pergerakan gaji bagi pegawai yang diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji oleh Pihak Berkuasa Melulus.
4.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 – Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia	Kenaikan gaji sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) antara RM80.00 hingga RM320.00 kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, serta Kumpulan Pelaksana. Bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, kenaikan gaji diberi sebanyak 7% hingga 9% dengan KGT berdasarkan pelarasan peratusan yang ditetapkan.
5.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 – Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia	Penambahbaikan struktur Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) bagi Gred 1 hingga Gred 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).
6.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 – Pemberian Pemindahan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia	Melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Kerajaan bersetuju

Bil.	Peraturan	Rujukan
		supaya faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT diberi lebih awal pada 1 Julai 2013.
7.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 – Penambahbaikan Kaedah Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Dalam Pelaksanaan Jadual Gaji Minimum - Maksimum	Menyemak kadar tetap 3% daripada gaji maksimum jawatan terdahulu.
8.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 – Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) semakan gaji permulaan jawatan baharu berdasarkan skim perkhidmatan jawatan baharu;</li> <li>ii) semakan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) jawatan baharu;</li> <li>iii) penyeragaman Gred Jawatan/Kod Gaji Di Gred Lantikan Bagi Skim Perkhidmatan Berkelayakan SPM dan STPM/Diploma; dan</li> <li>iv) pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) KGT layak diterima oleh pegawai bertaraf tetap yang telah dilantik dan sedang berkhidmat pada 1 Julai 2016.</li> </ul>
9.	Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat bertarikh 5 September 2017	Menjelaskan kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat.
10.	Buku Perkhidmatan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) menyemak gaji akhir sebelum pegawai dilantik;</li> <li>ii) tarikh pengesahan dalam perkhidmatan jawatan terkini;</li> <li>iii) tarikh pergerakan gaji jawatan terdahulu; dan</li> <li>iv) kadar KGT jawatan terdahulu.</li> </ul>